



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 APRIL 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------|----|
| - Mabuk, suka buat bising! | 40 |
|----------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 APRIL 2017 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Mabuk, suka buat bising!
Muka Surat	40

Mabuk, suka buat bising!

Penduduk Taman Seraya rimas kehadiran warga asing kacau ganggu kawasan perumahan



Nedunjselziyan (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohamad (dua kanan) selepas sesi dialog berkenaan.

AMPANG – Mabuk, dan suka membuat bising. Itu antara aduan diluaran penduduk yang rimas dengan kehadiran segerlinjur warga asing yang mengganggu ketenteraman kawasan perumahan mereka di Taman Seraya di sini.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Seraya Fasa 1, D Nedunjselziyan berkata, pihaknya kesal dengan tindakan sekumpulan lelaki warga asing yang menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk.

“Mereka berkumpul kat taman permainan, minum arak dan buat bising, bila dah bising tengah-tengah malam, penduduk tak selesalah kan. Agenzia berwajib juga telah laksanakan operasi, bagaimanapun warga asing ini diperdaya dapat ‘hidu’ kehadiran pihak berkuasa.

“Untuk kita bincangkan isu ini... kami telah adakan sesi dialog bersama polis, Jabatan Imigresen dan Jabatan Sukarelawan Malaysia,” katanya kepada Sinar Harian selepas menghadiri program berkenaan.

Turut hadir Adun Teratai, Adun Teratai, Tiew Way Keng; Ahli Majlis Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Mohamad Samat dan Pengurusi Penyelaras Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan, Abd Izaafidz Md Noor.

Menurutnya, penduduk memohon agensi berkenaan meningkatkan operasi dan membuat pemantauan lebih kerap ke atas warga asing itu.

“Penduduk juga disarankan supaya segera hubungi pihak berkuasa bila warga asing ini cuba bertindak di luar batasan,” katanya.